



# BULETIN KELAB



Keluaran 19/06

September 2006

*Kelab kebajikan Kakitangan Pentadbiran Pusat Matrikulasi UIAM  
Kebajikan Teras Perpaduan*

Sya'ban /Ramadhan1427H



**KELUARGA TERAS PEM-BENTUKKAN UMMAH**

## Kandungan Buletin

Resepi Kentang Putar	4
Sihat Ala Rasulullah	2
Israk & Mikraj	3
Penyakit Diabetis	4
Lelaki Yang Ditarik Masuk	5
Nisfu Syaaban	7
Selembat Bulu Mata	8

## MUTIARA KATA

**HIDUP SEPERTI LILIN MENERANGI ORANG LAIN BUKAN HIDUP SEPERTI DURI MENCUCU DIRI DEN MENYAKITI ORANG LAIN**

## Berita Semasa Kelab

### SELAMAT BERPUASA KEPADA SEMUA AHLI KELAB.

Ramadhan telah tiba dan persiapan hendaklah diadakan dengan memahami cara beramal di bulan Ramadhan mengikut sunnah dan jangan menjalani ibadah Ramadhan mengikut adat kerana Rasullah pernah bersabda didalam hadisnya : Barang siapa menghidupkan sunnahKu ketika rosak umat-Ku maka baginya mendapat pahala seratus syahid. Oleh itu berhati-hatilah melakukan amal supaya mempunyai nilai yang tinggi dan mendapat kesan yang baik disepanjang bulan Ramadhan dan bawah ini dicatatkan amalan-amalan mengikut sunnah.



### PROGRAM IHYA' RAMADHAN 1427H

Kelab Kebajikan akan mengadakan Program Ihya' Ramadhan dengan kerjasama Jabatan Pembangunan Sumber Manusia Pusat Matrikulasi UIAM sepanjang bulan ramadhan tahun ini. Program-program yang diadakan seperti Ceramah Sempena Bulan Ramadhan, Solat Zohor Berjemaah & Tazkirah, Tadarus Al-Quran untuk kakitangan dan Gotong royong memasak bubur lambuk. Dijemput semua kakitangan Pusat Matrikulasi UIAM beramai-ramai menyertai program yang diadakan ini. Ceramah sempena



bulan Ramadhan diadakan seminggu sekali, Solat Zohor berjamaah dan Tazkirah diadakan tiap-tiap hari sepanjang bulan Ramadhan ini. Tadarus Al-Quran akan diadakan selepas 16 Oktober 2006, Manakala gotong-royong memasak bubur lambuk pula akan didakan pada 18 Oktoberr 2006 bertempat di tempat letak kereta berhampiran post pengawal keselamatan utama. Marilah kita beramai-ramai

menyertai program yang diadakan ini bagi menghidupkan lagi bulan Ramadhan yang mulia ini.

### FAREWELL GATHERING FOR OUR DEAN TUAN HAJI ABBAS BIN HASAN



Majlis ini telah diadakan pada 21 September 2006 bertempat di Dewan Al-Malik Faisal Pusat Matrikulasi UIAM. Jemputan yang hadir diantaranya En Wan Helmi dari MSD, En. Zailan dari Pejabat Kewangan dan En. Rahim dari Pejabat Naib Chancelor, En. Razif dan semua bekas kakitangan Pusat Matrikulasi UIAM turut hadir. Berberapa persembahan telah didakan diantaranya nyanyian khoir dari kakitangan pentadbiran

Pusat Matrikulasi UIAM, penyampaian puisi dan dikir barat oleh pelajar-pelajar Pusat Matrikulasi UIAM. Gambar-gambar semasa majlis ini bolehlah dilihat melalui laman web kelab.

## KITA SEHAT ALA RASULULLAH

Rasulullah bersabda :

"Mu'min yang kuat adalah lebih baik dan lebih dicintai Allah daripada mu'min yang lemah ...."(HR Muslim)

Bagaimana agar senantiasa sehat seperti Rasulullah? Ikuti resepi berikut :

### **SELALU BANGUN SEBELUM SUBUH**

Rasul selalu mengajak ummatnya untuk bangun sebelum shubuh, melaksanakan solat sunat dan solat Fardhu, solat subuh berjamaah. Hal ini memberi hikmah yg mendalam antara lain :

- Berlimpah pahala dari Allah
- Kesegaran udara shubuh yg bagus utk kesehatan/ terapi penyakit TB
- Memperkuat pikiran dan menyehatkan perasaan

### **AKTIF MENJAGA KEBERSIHAN**

Rasul selalu senantiasa rapi & bersih, tiap hari khamis atau Jumaat beliau mencuci rambut2 halus di pipi, selalu memotong kuku, bersisir dan berminyak wangi. "Mandi pada hari Jumaat adalah wajib bagi setiap orang2 dewasa. Demikian pula menggosok gigi dan memakai harum-haruman"(HR Muslim)

### **TIDAK PERNAH BANYAK MAKAN**

Sabda Rasul :

"Kami adalah sebuah kaum yang tidak makan sebelum lapar dan bila kami makan tidak terlalu banyak ( tidak sampai kekenyangan)"(Muttafaq Alaih)

Dalam tubuh manusia ada 3 ruang untuk 3 benda : Sepertiga untuk udara, sepertiga untuk air dan sepertiga lainnya untuk makanan. Bahkan ada satu tarbiyyah khusus bagi ummat Islam dengan adanya Puasa Ramadhan untuk mengimbangi kesihatan

### **GEMAR BERJALAN KAKI**

Rasul selalu berjalan kaki ke Masjid, Pasar, Medan Jihad, mengunjungi rumah sahabat, dan sebagainya. Dengan berjalan kaki, keringat akan mengalir, pori2 terbuka dan pere-daran darah akan berjalan lancar. Ini penting untuk mencegah penyakit jantung

### **TIDAK PEMARAH**

Nasihat Rasulullah : "Jangan Marah" diulangi sampai 3 kali. Ini menunjukkan hakikat kesehatan dan kekuatan Muslim bukanlah terletak pada jasad, tetapi lebih jauh iaitu dilandasi oleh kebersihan dan kesihatan jiwa. Ada terapi yang tepat untuk menahan marah :

- Mengubah posisi ketika marah, bila berdiri maka duduk, dan bila duduk maka berbaring - Membaca Ta 'awwudz, karena marah itu dari Syaitan
- Segeralah berwudhu
- Sholat 2 Rokaat untuk meraih ketenangan dan menghilangkan kegundahan hati

### **OPTIMIS DAN TIDAK PUTUS ASA**

Sikap optimis akan memberikan impak psikologis yang mendalam bagi kelapangan jiwa sehingga tetap sabar, istiqomah dan bekerja keras, serta tawakal kepada Allah SWT

### **TAK PERNAH IRI HATI**

Untuk menjaga stabilitas hati & kesihatan jiwa, mentalitas maka menjauhi iri hati merupakan tindakan preventif yang sangat tepat.

Wassalam

## **MIMPI—MIMPI RASULULLAH**

### **SEBELUM BELIAU DI ISRAK & MIKRAJ**

**-mimpi-mimpi para Rasul & Nabi adalah benar & ia termasuk dari wahyu Illahi.....**

#### **Ketaatan kepada kedua ibubapa**

“Aku telah melihat seorang dari umatku telah di datangi oleh malaikat maut dengan keadaan yang amat mengerunkan untuk mencabut nyawanya, maka malaikat itu terhalang perbuatannya itu di sebabkan oleh.....  
*ketaatan dan kepatuhan si fulan itu terhadap kedua ibu bapanya.”*

#### **Sempurnakan air wudu’ Mu**

“Aku telah melihat seorang dari umatku yang telah di sediakan azab siksa kubur yang amat pedih, maka ia telah terselamat dari bencana itu oleh berkat....

*...Wuduknya yang sempurna.”*

#### **Berzikirlah mengingati Allah dengan tulus ikhlas**

“Aku telah melihat seorang dari umatku sedang di kerumuni oleh syaithan-syaithan dan Iblis laknatullah maka ia di selamatkan oleh berkat.....

*.....Zikirnya yang tulus ikhlas kepada Allah swt.”*

#### **Solatlah dengan Khusyu’ tanpa Riyā’**

“Aku telah melihat bagaimana umatku di seret dengan rantai yang diperbuat dari api neraka jahannam yang di masukkan ke mulutnya dan di keluarkan dari duburnya oleh malaikat ahzab tetapi.....

*....Solat yang khusyu’ dan tidak menunjuk-nunjuk telah melepaskan mereka dari seksa yang amat pedih itu.”*

#### **Puasa yang sempurna**

“Aku melihat seorang dari umat ku di timpa dahaga yang amat sangat setiap kali dia menghampiri satu telaga, ia di halang dari meminumnya ketika itu datanglah.....

*....puasanya yang ikhlas kepada Allah swt memberi minum hingga ia merasa puas.”*

#### **Kelebihan Mandi Junub**

“Aku melihat umatku cuba untuk mendekati kumpulan para Nabi yang sedang duduk berkumpulan-kumpulan, setiap kali ia datang dia akan di usir pergi, maka.....

*..menjelmalah Mandi Janabahnya yang sempurna memimpinya ke kumpulanku seraya duduk di samping ku.”*

#### **Rukun Islam yang ke 5**

“Aku melihat seorang dari umatku berada di dalam keadaan gelap gulita disekelilingnya sedangkan dia sendiri di dalam keadaan bingung, maka datanglah.....

*....pahala haji dan umrahnya yang ikhlas kepada Allah swt lalu mengeluarkannya dari kegelapan ke tempat yang bersinar terang.”*

#### **Silaturrahim.....**

“Aku melihat umatku cuba berbicara dengan golongan orang mukmin tetapi mereka pun tidak membala bicara mereka, maka.....

*....menjelmalah sifat silaturrahimnya dan tidak suka bermusuh-musuhan sesama umatku lalu menyeru kepada orang mukmin itu menyambut bicara mereka kepadanya.”*

#### **Sodaqoh tul jariah**

“Aku melihat umatku sedang menepis-nepis percikan api ke mukanya maka menjelmalah.....

*....pahala sedekahnya yang ikhlas kepada Allah lalu menabir muka dan kepalanya dari bahaya api tersebut.”*

“Hidup ini adalah satu kesedihan sebab ia berakhir dengan kematian tatkala segala harta yang telah di kumpulkan menjadi warisan dan nama mu yang di sanjung2 akan di lupakan.

- Ummu Hanni Nur Assaqifah-



**Biro Perhubungan dan  
Penerbitan  
Kelab Kebajikan Kakitangan**

Phone: 03-77803216

Fax: 03-79571006

Email: amin@iiu.edu.my

HTTP://IIU.EDU.MY/KKK

**Sembahyang adalah prinsip utama dalam hidup.**  
**Memberi alasan tidak cukup masa untuk melakukannya adalah hinaan kepada Allah.**

**KESIHATAN**

**Bagi pesakit Diabetes Melitus, kawalan pemakanan amat penting. Ia bertujuan :**

Mencapai dan mengekalkan paras gula dan lipid darah pada julat normal

Untuk mengelak sebarang komplikasi penyakit

Untuk mencapai dan mengekalkan berat badan yang sesuai

Untuk membekalkan keperluan pemakanan bagi memenuhi keperluan harian.

**Tiga Kumpulan makanan**

**1. Makanan yang perlu dielakkan**

Semua makanan dan minuman yang manis dan mengandungi gula tinggi seperti pelbagai jenis gula, kuih muih, biskut manis, kek, gula-gula, coklat, aiskrim, minuman ringan, susu pekat manis, jem, kaya, madu dan minuman beralkohol.

**2. Makanan yang bebas dimakan**

Semua jenis sayuran, kecuali semua jenis ubi-sawi, kangkung, bayam, kobis, kacang panjang, kacang buncis dan bendi  
 Semua cecair dan minuman tanpa gula seperti sup air, air kosong, teh dan kopi 'o' tanpa gula, the cina, air limau dan air barli tanpa gula

Perasa dan perencah seperti serbuk cili, kari, kunyit, rempah ratus, bawang putih, halia dan lengkuas

Semua daging tanpa lemak, ayam tanpa lemak dan kulit, tauhu, kuning telur (2-3 biji seminggu), ikan, ikan bilis tanpa kepala dan perut.

Hadkan makanan tinggi kolestrol seperti makanan laut dan organ dalaman

**3. Makanan yang perlu disukat**

Susu dan hasil tenusu

Bijirin dan hasil bijirin

Kacang dan kekacang

Buah-buahan

**RESEPI**

**Kentang putar**

Bahan-bahannya

3 biji kentang

3 cawan fresh milk

sedikit garam

cara-cara membuat

Kentang dibasuh bersih jangan dibuang kulit.

Kemudian direbus kentang sehingga empok.

Setelah empok kupaskan kulit dan lenyekkan semasa melenyek tu bubuh garam dan susu.

**10.1 Sos Gravy**

200 gm tulang lembu

250 ml air

sebiji bawang besar

1 batang carrot dan 1 batang celery

2 sudu makan tpg. jagung

sedikit lada hitam

Tulang lembu dipanggang dalam oven.

Setelah perang diangkat dan direbus, masukkan carrot, bawang besar dan celery.

Bancuh tpg. jagung dengan sedikit air kemudian masukkan banchuan tpg. Jagung dan lada hitam kedalam stok, sentiasa kacau. Rendidihkan selama 10-15 minit.

Setelah agak pekat angkat dan tapiskan.

## Golongan Lelaki yg Akan Ditarik masuk.....

Golongan Lelaki yg Akan Ditarik masuk Ke dalam Neraka Di akhirat nanti ada 4 golongan lelaki yg akan ditarik masuk ke neraka oleh wanita. Lelaki itu adalah mereka yg tidak memberikan hak kpd wanita dan tidak menjaga amanah itu. Mereka ialah:

### 1. Ayahnya

Apabila seseorang yg bergelar ayah tidak mempedulikan anak2 perempuannya didunia. Dia tidak memberikan segala keperluan agama seperti mengajar solat,mengaji dan sebagainya Dia membiarkan anak2 perempuannya tidak menutup aurat. Tidak cukup kalau dgn hanya memberi

kemewahan dunia sahaja. Maka dia akan ditarik ke neraka oleh anaknya.

(p/s; Duhai lelaki yg bergelar ayah, bagaimakah hal keadaan anak perempuanmu sekarang?. Adakah kau mengajarnya bersolat & aum?..menutup aurat?.. pengetahuan agama?.. Jika tidak cukup salah satunya, maka bersedialah utk menjadi bahan bakar neraka jahannam.)

### 2. Suaminya

Apabila sang suami tidak mempedulikan tindak tanduk isterinya. Bergaul! bebas di pejabat, memperhiaskan diri bukan utk suami tapi utk pandangan kaum lelaki yg bukan mahram. Apabila suami mendiam diri walaupun seorang yg alim dimana solatnya tidak pernah bertangguh, saumnya tidak tinggal, maka dia akan turut ditarik oleh isterinya bersama-sama ke dalam neraka.

(p/s; Duhai lelaki yg bergelar suami, bagaimakah hal keadaan isteri tercintamu sekarang?. Dimanakah dia? Bagaimana akhlaknya? Jika tidak kau menjaganya mengikut ketetapan syari'at, maka terimalah hakikat yg kau akan sehidup semati bersamanya di 'taman' neraka sana.)

### 3. Abang-abangnya

Apabila ayahnya sudah tiada,tanggungjawab menjaga maruah wanita jatuh ke bahu abang-abangnya dan saudara lelakinya. Jikalau mereka hanya mementingkan keluarganya sahaja dan adiknya dibiar melencong dari ajaran Islam,tunggulah tarikan adiknya di akhirat kelak.

(p/s; Duhai lelaki yg mempunyai adik perempuan, jangan hanya menjaga amalmu, dan jgn ingat kau terlepas... kau juga akan pertanggungjawabkan diakhirat kelak...jika membiarkan adikmu bergelumang dgn maksiat... dan tidak menutup aurat.)

### 4. Anak2 lelakinya

Apabila seorang anak tidak menasihati seorang ibu perihal kelakuan yg haram disisi Islam. bila ibu membuat kemungkaran mengumpat, memfitnah, mengata dan sebagainya...maka anak itu akan disoal dan dipertanggungjawabkan di akhirat kelak....dan nantikan tarikan ibunya ke neraka.

(p/s; Duhai anak2 lelaki.... sayangilah ibumu.... nasihatilah dia jika tersalah atau terlupa.... krn ibu juga insan biasa... tidak lepas dari melakukan dosa... selamatkanlah dia dr menjadi 'kayu api' neraka....jika tidak, kau juga akan ditarik menjadi penemannya.)

Lihatlah.....betapa hebatnya tarikan wanita bukan sahaja di dunia malah diakhirat pun tarikannya begitu hebat. Maka kaum lelaki yg bergelar ayah/suami/abang atau anak harus memainkan peranan mereka.

Firman Allah S.W.T;

"Hai anak Adam, peliharalah diri kamu serta ahlimu dari api neraka dimana bahan bakarnya ialah manusia, jin dan batu-batu...."

## Berbaik Sangka...

*Manusia hari ini suka bersangka-sangka Ada sangkaan baik... Ada sangkaan buruk  
 Orang beribadah disangka riak Orang yang relax disangka malas  
 Orang yang pakai baju baru disangka menunjuk  
 Orang beribadah disangka riak Orang yang relax disangka malas  
 Orang yang pakai baju baru disangka menunjuk  
 Orang yang pakai baju buruk disangka zuhud (hina) Orang makan banyak disangka pelahap Orang makan sikit disangka kedekut  
 Orang baik disangka buruk Orang buruk disangka baik  
 Orang senyum disangka mengejek  
 Orang masam disangka merajuk  
 Orang bermuzakarah disangka mengumpat  
 Orang diam disangka sompong  
 Orang menawan disangka pakai susuk  
 Orang nampak ceria disangka membela  
 mana tahu yang diam itu kerana berzikir kepada Allah  
 mana tahu yang senyum itu kerana bersedekah  
 mana tahu yang masam itu kerana mengenangkan dosa  
 mana tahu yang menawan itu kerana bersih hati dan mindanya  
 mana tahu yang ceria itu kerana cergas cerdasnya  
 Jauhi sikap suka bersangka-sangka kerana ia bakal memusnahkan ukhwah seperti musnah nya kayu dimakan api...  
 Satu benda yang kita lihat, macam-macam kesimpulan yang boleh kita buat. Semuanya bergantung bagaimana kita melihatnya. "Tegakkan Islam dalam diri kamu.. nescaya Islam akan tertegak diatas bumi kamu"  
 Imam Al-Syahid Hassan Al-Banna. Just Be Yourself... and Always Trust to Allah...*

## TAKZIAH

### ADAB MENDENGAR AZAN

Kematian itu pasti menjelma. Hanya masa dan waktunya yang tidak kita ketahui. Cuba kita amati. Mengapa kebanyakan orang yg nazak, hampir ajal tidak dapat berkata apa-apa.. lidahnya kelu, keras dan hanya mimik mukanya yang menahan kesakitan 'sakaratul maut'.

Diriwayatkan sebuah hadis yg bermaksud: "Hendaklah kamu mendiamkan diri ketika azan, jika tidak Allah akan kelukan lidahnya ketika maut menghampirinya." Ini jelas menunjukkan, kita disarankan agar mendiamkan diri, jangan berkata apa-apa pun semasa azan berku-mandang. Sebagai orang beragama Islam kita wajib menghormati azan. Banyak fadhilatnya. Jika lagu kebangsaan kita diajar agar berdiri tegak dan diamkan diri.

Mengapa ketika azan kita tidak boleh mendiamkan diri? Lantas sesiapa yang berkata-kata ketika azan, Allah akan kelukan lidahnya ketika nazak. Kita takut dengan keluarnya lidah kita semasa ajal hampir tiba maka kita tidak dapat mengucap kalimah "Lailaha illallah.." yang mana sesiapa yang dapat mengucapkan kalimah ini ketika nyawanya akan dicabut Allah dgn izinNya menjanjikan syurga untuk mereka. Dari itu marilah kita sama-sama menghormati azan dan mohon kepada Allah supaya lidah ini tidak kelu semasa nyawa kita sedang dicabut. "Ya Allah! Anugerahkanlah kematian kami dengan kematian yang baik lagi mulia, lancarkan lidah kami mengucap kalimah Lailaha illallah.." semasa sakaratul maut mengham-piri kami. Amin.. amin.. amin Yarobbal a'lamin.."

## Nisfu Syaaban

Assalamualaikum w.b.t...

Untuk makluman semua.... Hari Nisfu Sya'aban akan tiba pada hari Khamis malam Jumaat ( sebaik saja masuk maghrib), 08hb Oktober 2006 (selepas maghrib pada hari 15 Sya'aban 1427H)

Oleh itu, marilah kita sama-sama mengambil saat keemasan ini untuk menutup catatan amal ibadah kita kpd Allah dengan baik dan sempurna dan seterusnya berazam untuk memperbaiki diri kita untuk catatan yang baru. Hari nisfu sya'aban adalah hari dimana buku catatan

Amalan kita selama setahun diangkat ke langit dan diganti dengan buku catatan yang baru. Catatan pertama yang akan dicatatkan dibuku yang baru akan bermula sebaik sahaja masuk waktu maghrib, (15 Sya'aban bermula pada 14hb sya'aban sebaik sahaja masuk maghrib)

### **Berikut adalah antara amal ibadah di hari Nisfu Sya'aban:**

1. Selepas solat maghrib (15 Sya'aban, jumaat malam)

Solat sunat nisfu sya'aban, 2 rakaat

Rakaat 1 : baca Al-Fatihah & surah Al-Qadar 1x

Rakaat 2 : baca Al-Fatihah & surah Al-Ikhlas 3x

2. Membaca Yasin 3x selepas solat Maghribnya (15 Sya'aban, jumaat malam)

i) Selepas Yasin pertama : mohon dipanjangkan umur untuk beribadat kepada Allah

ii) Selepas Yasin kedua : mohon rezeki yang halal untuk beribadat kepada Allah

iii) Selepas Yasin ketiga : mohon ditetapkan iman dan Islam & mati di dalam iman & pohonlah segala yang baik.

Kemudian baca Istighfar 11x & selawat 11x      Baca doa nisfu Sya'aban (ada didalam Yasin Majmuk)

3. Baca surah iklas 1000x

4. Berpuasa pada siangnya (Jumaat) Abul Khair Al Talaqaani r.a. mengira nama2 malam Nisfu Syaaban sebanyak 22.

### **Antaranya yg termasyhur adalah**

1. Malam Dimustajabkan Doa

2. Malam Pembahagian Takdir

3. Malam Rahmat

4. Malam Berkat

5. Malam Pengampunan (Taubat)

6. Malam Penebusan

7. Malam Syafaat

8. Malam Penulisan

9. Malam Keagungan dan Kemuliaan

10. Malam Rezeki

11. Malam Hari Raya Para Malaikat

12. Malam Penghidupan

### **Antara kelebihan bulan Sya'aban:**

1. Sesiapa berpuasa sehari dalam bulan Sya'aban maka Allah haramkan tubuhnya dari api neraka dan dia akan menjadi teman kpd nabi Allah Yusof didalam syurga.

2. Riwayat dari Osman Bin Abi Al-As, Sabda Nabi Muhammad (saw)

: pada malam nisfu sya'aban setelah berlalu 1/3 malamnya, Allah turun ke langit dunia lalu berfirman : adakah orang-orang yang meminta maka Aku perkenankan permintannya, adakah orang yang meminta ampun maka aku ampunkannya, adakah orang yang bertaubat maka aku terima taubatnya dan diampunkan semua orang mukmin lelaki & perempuan , melainkan orang yang berzina atau orang yang berdendam marah hatinya kepada saudaranya. Sebaik-baiknya minta ampun dengan ibubapa sebelum hari nisfu sya'aban kerana amalan kita akan terhalang dari diangkat ke langit sekiranya kita derhaka/berdosa dengan ibubapa kita. Wallahu'alam

### Selembar Bulu Mata

Diceritakan di Hari Pembalasan kelak, ada seorang hamba Allah sedang diadili. Ia dituduh bersalah, menyia-nyiakan umurnya di dunia untuk berbuat maksiat. Tetapi ia berkeras membantah. "Tidak. Demi langit dan bumi sungguh tidak benar. Saya tidak melakukan semua itu."

"Tetapi saksi-saksi mengatakan engkau betul-betul telah menjerumuskan dirimu sendiri ke dalam dosa," jawab malaikat. Orang itu menoleh ke kiri dan ke kanan, lalu ke segenap penjuru. Tetapi anehnya, ia tidak menjumpai seorang saksi pun yg sedang berdiri. Di situ hanya ada dia sendirian. Makanya ia pun menyanggah,

"Manakah saksi-saksi yg kau maksudkan? Di sini tidak ada siapa kecuali aku dan suaramu." "Inilah saksi-saksi itu," ujar malaikat. Tiba-tiba mata angkat bicara, "Saya yg memandangi." Disusul oleh telinga, "Saya yg mendengarkan." Hidung pun tidak ketinggalan, "Saya yang mencium." Bibir mengaku, "Saya yang merayu."

Lidah menambah, "Saya yang mengisap." Tangan meneruskan, "Saya yang meraba dan meramas." Kaki menyusul, "Saya yang dipakai lari ketika ketahuan." "Nah kalau kubiarkan, seluruh anggota

tubuhmu

akan memberikan kesaksian tentang perbuatan aibmu itu", ucap malaikat. Orang tersebut tidak dapat sanggahannya lagi. Ia putus asa dan amat berduka, sebab sebentar lagi bakal dihumbangkan ke dalam jahanam. Padahal, rasa-rasanya ia telah terbebas dari tuduhan dosa itu.

Tatkala ia sedang dilanda kesedihan itu, sekonyong-konyong terdengar suara yg amat lembut dari selembar bulu matanya:

"Saya pun ingin juga mengangkat sumpah sebagai saksi." "Silakan", kata malaikat. "Terus terang saja, menjelang ajalnya, pada suatu tengah malam yg lengang, aku pernah dibasahinya dengan air mata ketika ia sedang menangis menyesali perbuatan buruknya. Bukankah nabinya pernah berjanji, bahwa apabila ada seorang hamba kemudian bertobat, walaupun selembar bulu matanya saja yg terbasahi air matanya, namun sudah diharamkan dirinya dari ancaman api neraka? Maka saya, selembar bulu matanya, berani tampil sebagai saksi bahwa ia telah melakukan taubat sampai membasahi saya dengan air mata penyesalan."

Dengan kesaksian selembar bulu mata itu, orang tersebut dibebaskan dari neraka dan diantarkan ke surga. Sampai terdengar suara bergaung kepada para penghuni syurga:

"Lihatlah, Hamba Tuhan ini masuk surga kerana pertolongan selembar bulu mata."

Firman Allah swt,

"Demi masa, sesungguhnya manusia itu benar-benar berada didalam kerugian, kecuali orang-orang yang beriman dan beramal soleh, yang ingat-mengingati supaya mentaati kebenaran, dan yang ingat-mengingati dengan kesabaran."

Surah Al-Ashr

Dari Abdullah bin 'Amr R.A, Rasulullah S.A.W bersabda: " Sampaikanlah pesanku biarpun satu ayat..."